

**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJIJI HAJI NOOR**  
**KETUA MENTERI SABAH**  
**DI MAJLIS PEMBENTANGAN SYOR KE ATAS PERMOHONAN**  
**PERUNTUKAN TAMBAHAN (ASP) KEDUA TAHUN 2020**  
**16 NOVEMBER,2020**

1

**Tuan Speaker,**

1. Saya ingin membuat usul agar Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan Kedua (2020), Tahun 2020 dibaca sekarang buat kali yang kedua.

Bismillahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Tambahan Anggaran Perbekalan Kedua 2020;**

2. Terlebih dahulu, saya ingin memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan Kedua 2020 memerlukan peruntukan tambahan sebanyak **RINGGIT MALAYSIA TUJUH RATUS SEMBILAN JUTA, ENAM RATUS EMPAT PULUH EMPAT RIBU DAN DUA RATUS TIGA PULUH (RM709,644,230)** untuk beberapa kepala perbelanjaan seperti mana yang ditunjukkan dalam Jadual Rang Undang-Undang tersebut. Butir-butir lanjut mengenai peruntukan tambahan di bawah setiap pecahan kepala perbelanjaan ini adalah dicatatkan dalam Penyata Anggaran Perbekalan Tambahan Kedua 2020 yang telahpun diedarkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di bawah Kertas Arahan CMD 2 Tahun 2020. Penyata Anggaran Perbekalan Tambahan tersebut telahpun menjelaskan bahawa semua anggaran tambahan ini adalah mustahak bagi melicinkan operasi jentera pentadbiran kerajaan, khususnya untuk tempoh suku tahun keempat tahun 2020.

**Tuan Speaker,**

3. Sebagaimana kita sedia maklum, Sabah adalah antara negeri di Malaysia yang masih mencatat kes tertinggi serangan COVID-19. Ini sudah tentu menimbulkan kebimbangan, keresahan dan tekanan di kalangan pemimpin dan rakyat. Pandemik yang menular ke serata dunia ini juga telah memberi kesan yang sangat mendalam pada kehidupan rakyat dan pada perkembangan ekonomi negeri dan negara. Namun, kita tetap bercekal hati dan terus berusaha memerangi dan membendung wabak COVID-19 yang kian menular ini. Untuk itu, Kerajaan Negeri yang baharu dibentuk pimpinan Gabungan Rakyat Sabah, terpanggil untuk meneruskan bantuan bagi meringankan bebanan yang dihadapi oleh sekalian rakyat yang terlibat. Sehubungan itu, di dalam Anggaran Tambahan Perbekalan Kedua 2020 ini sejumlah RM 375.12 juta ataupun 53 peratus adalah diperuntukkan untuk bantuan menangani pandemik COVID-19, dimana sejumlah RM 160 juta diperuntukkan sebagai Pakej Bantuan Prihatin COVID-19, kepada rakyat yang terkesan dan terjejas teruk dan juga sebagai usaha ke arah membendung dan menangani penularan wabak berkenaan. Manakala sejumlah RM114.26 juta pula adalah untuk imbuh balik kehilangan

hasil iaitu sebanyak RM78.26 juta kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan<sup>2</sup> sejumlah RM 36 juta pula kepada Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) bagi kehilangan hasil akibat daripada pengurangan sebanyak 28 peratus bil elektrik pengguna domestik bagi tempoh April hingga Jun 2020. Selebihnya iaitu RM100.86 juta diagihkan seperti berikut:-

- Pertama:** kepada Kementerian Pertanian dan Perikanan sebanyak RM 34.36 juta bagi memperluas peluang ekonomi dalam bidang agro makanan;
- Kedua:** kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN) sebanyak RM 20 juta sebagai sebahagian daripada peruntukan sejumlah RM35 juta bagi mempercepatkan peralihan kepada ekonomi digital;
- Ketiga:** kepada Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KePKAS) dengan peruntukan sejumlah RM 15 juta untuk merangsang pemuliharan sektor pelancongan;
- Keempat:** kepada Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPSM) di syorkan sebanyak RM10 juta bagi memperkasa sumber manusia dan mewujudkan peluang pekerjaan baharu;
- Kelima:** kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (KPP) di syorkan sebanyak RM10 juta bagi membangunkan platform E-Dagang Berpusat Sabah;
- Keenam:** kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dengan peruntukan sebanyak RM3.5 juta bagi pembayaran akhir bantuan COVID-19 kepada Ketua Isi Rumah Miskin dan Miskin Tegar; dan
- Ketujuh:** kepada Kementerian Kewangan Negeri Sabah dengan peruntukan sebanyak RM 8 juta sebagai tambahan kepada peruntukan sedia ada bagi tujuan pemberian pinjaman tanpa faedah kepada pengusaha agro makanan.

4. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebahagian daripada jumlah Anggaran Perbekalan Tambahan Kedua 2020 iaitu, sebanyak **RINGGIT MALAYSIA SATU RATUS SEMBILAN PULUH LAPAN JUTA, TIGA RATUS LIMA PULUH SATU RIBU DAN DUA RATUS LIMA (RM198,351,205)** ataupun 28 peratus adalah diperlukan bagi tujuan pelarasian akaun semata-mata untuk mematuhi peraturan perakaunan. Manakala, baki sebanyak **RINGGIT MALAYSIA LIMA RATUS SEBELAS JUTA, DUA RATUS SEMBILAN PULUH TIGA RIBU DAN DUA PULUH LIMA (RM511,293,025)** adalah melibatkan pengaliran wang tunai. Jumlah ini adalah

meliputi sejumlah 72 peratus daripada jumlah keseluruhan Anggaran<sup>3</sup> Perbekalan Tambahan berkenaan.

5. Peruntukan Tambahan terbesar yang melibatkan aliran wang tunai dalam Anggaran Perbekalan Tambahan Kedua 2020 adalah sebanyak **RINGGIT MALAYSIA SATU RATUS ENAM PULUH SEMBILAN JUTA, LAPAN RATUS TUJUH PULUH DUA RIBU DAN SATU RATUS ENAM (RM169,872,106)** disyorkan bagi menampung keperluan di bawah Jabatan Ketua Menteri (JKM) yang meliputi Pakej Bantuan Prihatin COVID-19 sebanyak RM135 juta, imbuhs balik kepada DBKK sebanyak RM 24.6 juta bagi kehilangan hasil dan selebihnya adalah bagi menampung perbelanjaan Bahagian Akhbar dan Penerbitan, bayaran gaji dan elauan UPPM dan pembayaran pentadbiran am pejabat.

6. Selain itu Anggaran Perbekalan Tambahan Kedua 2020 yang melibatkan aliran tunai juga menyediakan peruntukan sebanyak **RINGGIT MALAYSIA SATU RATUS LIMA PULUH TIGA JUTA, LIMA RATUS RIBU (RM153,500,000)** disyorkan untuk menampung perbelanjaan di bawah Perkhidmatan Am Perpendaharaan dengan pecahan terbesar sebanyak RM 94 juta diperuntukkan bagi tujuan menampung perbelanjaan yang timbul dalam menangani pandemik COVID-19, dimana RM 25 juta adalah untuk Pakej Bantuan Prihatin COVID-19, RM25 juta untuk menampung keperluan lain di bawah peruntukan khas, RM 36 juta untuk imbuhs balik kepada SESB dan RM 8 juta sebagai tambahan peruntukan bagi Pinjaman Tanpa Faedah kepada pengusaha agro makanan di bawah bantuan pandemik COVID -19.

7. Disamping itu, sejumlah **RINGGIT MALAYSIA SEMBILAN PULUH EMPAT JUTA SEMBILAN RATUS DUA PULUH SATU RIBU DUA RATUS ENAM PULUH TUJUH (RM 94,921,267)** disyorkan bagi menampung keperluan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) untuk pembayaran kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis-Majlis Daerah termasuklah sejumlah

RM 53.72 juta sebagai imbuhs balik kerana pengurangan cukai pintu sebanyak 20 peratus, pengecualian bayaran lesen penjaja dan sewa gerai untuk tahun 2020.

**Tuan Speaker,**

8. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pula memerlukan sejumlah **RINGGIT MALAYSIA DUA PULIH ENAM JUTA TIGA PULUH TIGA RIBU DAN TIGA RATUS LIMA BELAS (RM 26,033,315)** untuk membaiayai kerja-kerja pengairan dan saliran, penyelenggaraan sistem perparitan dan pertahanan tebing sungai serta pembayaran bagi pentadbiran am pejabat.

9. Seterusnya, sejumlah **RINGGIT MALAYSIA DUA PULUH DUA JUTA EMPAT RATUS TUJUH PULUH RIBU DAN LAPAN RATUS TUJUH PULUH TUJUH (RM22,470,877)** pula disyorkan kepada Jabatan Kerja Raya bagi kerja-kerja pembaikan cerun, tembok laut, jalanraya dan jambatan, penyelenggaraan bangunan kerajaan, sistem pendingin udara dan sistem cegah kebakaran,

bayaran pengurusan Wisma Tun Fuad, bayaran utiliti dan pentadbiran am<sup>4</sup> pejabat. Manakala sejumlah **RINGGIT MALAYSIA LAPAN BELAS JUTA, DUA RATUS TUJUH RIBU DAN LAPAN RATUS (RM18,207,800)** pula disyorkan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) untuk penyelenggaraan masjid-masjid dan sekolah-sekolah agama serta bagi pembayaran gaji dan elaun kakitangan sehingga hujung tahun 2020.

**Tuan Speaker,**

10. Anggaran Peruntukan Tambahan Perbekalan Kedua 2020 bagi aliran tunai ini juga memperuntukkan sejumlah **RINGGIT MALAYSIA EMPAT BELAS JUTA, TUJUH RATUS SEMBILAN PULUH TUJUH RIBU DAN LAPAN RATUS EMPAT PULUH (RM14,797,840)** kepada Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) untuk membiayai perbelanjaan bahan kimia dalam pemprosesan rawatan air, pembayaran gaji dan elaun kakitangan baru serta untuk perbelanjaan Unit Penguatkuasaan. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pula memerlukan peruntukan tambahan sebanyak **RINGGIT MALAYSIA SEMBILAN JUTA TUJUH PULUH TUJUH RIBU LAPAN RATUS ENAM PULUH SEMBILAN (RM9,077,869)** untuk membiayai perbelanjaan emolumen dan Gantian Cuti Rehat; serta pembayaran kepada Majlis Sukan Negeri dan Lembaga Sukan Negeri Sabah bagi menampung perbelanjaan operasi dan penyelenggaraan.

11. Disamping itu, tambahan peruntukan yang melibatkan aliran tunai sebanyak **RINGGIT MALAYSIA TIGA JUTA ENAM RATUS LIMA PULUH LIMA RIBU LIMA RATUS (RM 3,655,500)** disyorkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) bagi menampung pembayaran pemberian kepada orang susah sebagai bantuan pandemik COVID-19, serta bagi menampung bayaran Bantuan Khas Kewangan dan pentadbiran am pejabat.

**Tuan Speaker,**

12. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat selanjutnya, Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am (JPKA) disyorkan tambahan peruntukan sebanyak **RINGGIT MALAYSIA TIGA JUTA EMPAT RATUS ENAM PULUH LIMA RIBU (RM 3,465,000)** untuk bayaran bantuan am dan untuk menampung bayaran gaji dan elaun serta bayaran Gantian Cuti Rehat kakitangan. Manakala Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri disyorkan tambahan sebanyak **RINGGIT MALAYSIA DUA JUTA EMPAT RATUS LIMA PULUH DUA RIBU DUA RATUS TIGA PULUH ENAM (RM2,452,236)** untuk menampung pembayaran perbelanjaan Ketua Deerah, Ketua Anak Negeri, Wakil Ketua Anak Negeri, Ketua Kampung dan Ketua Masyarakat Cina dan untuk bayaran pentadbiran am pejabat.

13. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi pula disyorkan peruntukan tambahan sebanyak **RINGGIT MALAYSIA DUA JUTA DUA RATUS DUA RIBU DAN TUJUH PULUH EMPAT (RM 2,202,074)** untuk bantuan pandemik COVID-19 kepada pelajar Sabah dan juga untuk bayaran Bantuan Khas Kewangan serta perbelanjaan pentadbiran am pejabat. Disamping itu sejumlah **RINGGIT**

**MALAYSIA SEBELAS JUTA SEMBILAN RATUS SEPULUH RIBU DAN<sup>5</sup> EMPAT RATUS TIGA PULUH LAPAN (RM 11,910,438)** adalah disyor untuk menampung perbelanjaan lain-lain kementerian dan jabatan yang meliputi bayaran bagi perbelanjaan operasi dan pentadbiran am pejabat.

**Tuan Speaker,**

**Tambahan Anggaran Pembangunan 2020:**

14. Jika Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini perhatikan, Penyata Tambahan Anggaran Pembangunan Tahun 2020 di bawah Kertas CMD. 3 Tahun 2020 memerlukan peruntukan tambahan sebanyak **RINGGIT MALAYSIA SATU RATUS LAPAN PULUH SEMBILAN JUTA, DUA RATUS SEMBILAN RIBU DAN DUA RATUS TIGA PULUH (RM189,209,230)**. Tambahan Peruntukan Pembangunan 2020 ini melibatkan sebanyak 16 vot peruntukan di bawah 3 buah kementerian.

15. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RINGGIT MALAYSIA EMPAT PULUH TUJUH JUTA, ENAM RATUS LIMA PULUH LAPAN RIBU DAN DUA RATUS ENAM PULUH ENAM (RM47,658,266)** ditampung di bawah Kumpulan Wang Negeri dan **RINGGIT MALAYSIA SATU RATUS DUA PULUH EMPAT JUTA TUJUH RATUS SEMBILAN PULUH LIMA RIBU DAN TUJUH RATUS TIGA PULUH SATU (RM124,795,731)** di bawah Pinjaman Persekutuan. Manakala bakinya sebanyak **RINGGIT MALAYSIA ENAM BELAS JUTA TUJUH RATUS LIMA PULUH LIMA RIBU DAN DUA RATUS TIGA PULUH TIGA (RM16,755,233)** adalah merupakan pembiayaan Bayaran Balik Persekutuan.

**Tuan Speaker,**

16. Daripada peruntukan tambahan sebanyak **RINGGIT MALAYSIA SATU RATUS LAPAN PULUH SEMBILAN JUTA, DUA RATUS SEMBILAN RIBU DAN DUA RATUS TIGA PULUH (RM189,209,230)** tersebut, sebanyak **RINGGIT MALAYSIA TUJUH RATUS LAPAN PULUH LAPAN RIBU, DUA RATUS ENAM PULUH ENAM (RM788,266)** adalah diperlukan untuk pembayaran ke atas projek-projek yang telah dilaksanakan pada tahun lepas tetapi tidak sempat dibayar dalam tahun kewangan 2019. Di antaranya adalah untuk membiayai sebanyak:-

**Pertama:** **RINGGIT MALAYSIA TIGA RATUS LIMA PULUH RIBU, SATU RATUS LIMA PULUH SEMBILAN (RM350,159)** di bawah Jabatan Ketua Menteri; dan

**Kedua:** **RINGGIT MALAYSIA EMPAT RATUS TIGA PULUH LAPAN RIBU, SATU RATUS TUJUH (RM438,107)** bagi dua (2) buah projek di bawah Kementerian Pertanian dan Perikanan.

**Tuan Speaker,**

17. Sebanyak **RINGGIT MALAYSIA EMPAT PULUH ENAM JUTA, LAPAN<sup>6</sup> RATUS TUJUH PULUH RIBU (RM46,870,000)** pula diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan semasa bagi projek yang telah komited dengan kontrak, pampasan dan konsesi serta projek-projek yang akan disiapkan pada tahun 2020.

18. Seterusnya Sejumlah **RINGGIT MALAYSIA SATU RATUS DUA PULUH EMPAT JUTA TUJUH RATUS SEMBILAN PULUH LIMA RIBU DAN TUJUH RATUS TIGA PULUH SATU (RM124,795,731)** disediakan dalam Peruntukan Tambahan ini adalah untuk menyelaraskan Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi menampung tuntutan perbelanjaan tahun lepas dan keperluan tahun ini untuk Projek Geran Komunal Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah, dan Rancangan Bekalan Air, Sabah.

19. Manakala sebanyak **RINGGIT MALAYSIA ENAM BELAS JUTA TUJUH RATUS LIMA PULUH LIMA RIBU DAN DUA RATUS TIGA PULUH TIGA (RM16,755,233)** adalah diperuntukkan di bawah komponen Bayaran Balik Persekutuan. Peruntukan ini adalah untuk membolehkan penyelarasan pembayaran bagi projek imbuhan balik di bawah Kementerian Pertanian dan Perikanan.

**Tuan Speaker,**

13. Dengan huraian yang saya berikan mengenai peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran Perbekalan Tambahan Kedua 2020 sebentar tadi, maka saya usulkan sekali lagi agar Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan Tahun 2020 dibaca sekarang bagi kali yang kedua.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

SEKIAN, TERIMA KASIH.